

EL-WAZIF

E-BULETIN




Foto: Ahmad Firdaus bin Abu Yazid
Unit Kebajikan Produktif
Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

KALAM EDITOR

SELAMAT DATANG TAHUN 2022

Alhamdulillah syukur kepada Allah dikurniakan kesempatan untuk menempuh tahun baru 2022.

Di permulaan tahun ini, saya mulakan kalam e-Buletin dengan menyeru diri sendiri dan para pembaca agar istiqamah dalam memberi. Sedar akan ketidakupayaan diri untuk menyumbang secara besar-besaran, sebenarnya terdapat 1001 cara untuk manfestasikan istihabat memberi. Walau sekadar memberi laluan di jalan raya kepada kenderaan lain, mungkin boleh diambil kira meski tidak terlihat secara fizikal transaksinya umpama barang bertukar dagang, harap dapat memberi impak dalam situasi tersendiri.

Jan ~ Feb 2022

Bil 11

Sedikit perubahan pada tahun ini, kini e-Buletin EL-WAZIF diterbitkan dua bulan sekali secara berkala. Terimalah juadah minda dari kami di edisi 2022 ini.



EL-WAZIF

e-Buletin

Bil 11/Jan-Feb 2022

**UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFQ (EL-WAZIF)
UITM CAWANGAN MELAKA**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2021

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai,
disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik
atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa
mendapat kebenaran secara bertulis daripada
pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
UiTM Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : el-wazif@uitm.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

Instagram: <https://www.instagram.com/elwazif.edu.my>

eISSN 2805-5780



PENAUNG

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Rektor UiTM Cawangan Melaka

PENASIHAT

Ustaz Abdul Hadi bin Mohd Saleh
Pakar Rujuk Waqaf dan Zakat, El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

PENGERUSI

Ustaz Muaz Hj Mohd Noor
Koordinator Unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

EDITOR

Mohd Nabil Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

PENOLONG EDITOR

Puan Shahreena Bt Daud
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

AHLI JAWATANKUASA:

PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL

Prof. Madya Dr. Rozman Bin Md Yusof
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Ustaz Ahmad Ammar Bin Rozaini

Penyelaras Seksyen Zakat, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

PEREKA BENTUK GRAFIK

Mohd Nabil Bin Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Ustaz Muhammad Faidz Mohd Fadzil

Penyelaras Seksyen Infaq, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

ISI KANDUNGAN

PENSTRUKTURAN BARU E-BULETIN EL-WAZIF	1
MAJLIS SERAHAN KOMPUTER RIBA	2
PROGRAM SUMBANGAN AMAL LAPTOP UNTUK MAHASISWA B40	3
LANTIKAN MUTAWALLI IPT MELAKA	5
KERJASAMA PPPAWE, PTAR & UNIT EL-WAZIF	6
KEBUN WADI TERIMA PEKERJA BARU	7
HARAPAN	8
MENCARI TITIK IMBANG	9
LIHATLAH TANDA-TANDA KEBESARAN ALLAH: SIMPANAN DATA	10
PATUHI SYARIAH DALAM INDUSTRI PEMBINAAN	11
PRODUK BUAH KURMA DI PASARAN DAN FARMASI KOMUNITI	12
PELAWAAN PENERBITAN	13
#KELUARGAMALAYSIA BERKESKOLAH	14
JUMLAH KUTIPAN KEBUN WADI	

PENGUMUMAN

PENSTRUKTURAN BARU E-BULETIN EL-WAZIF

Untuk makluman semua, selepas penstruktur baru, kekerapan penerbitan majalah digital unit El-Wazif telah diubah daripada penerbitan pada tiap-tiap bulan kepada penerbitan setiap dua bulan.

Ini bermakna, bermula tahun 2022 ini, jumlah penerbitan Buletin EL-WAZIF pada setiap tahun berjumlah 6 penerbitan (6 Edisi), berkurang berbanding tahun sebelumnya.

Edisi Jan-Feb

Edisi Mac-April

Edisi Mei-Jun

Edisi Julai-Ogos

Edisi Sep-Okt

Edisi Nov-Dis

Penstruktur baru ini bertujuan bagi menambahbaik majalah digital ini, dengan memantapkan lagi konten setiap penerbitan.

Perubahan ini telah berkuatkuasa pada Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

**Sidang Editor,
E-Buletin EL-WAZIF**



AKTIVITI EL-WAZIF



MAJLIS SERAHAN KOMPUTER RIBA

Sasar Pelajar UiTM Cawangan Melaka

Pada 5 Januari yang lepas telah berlangsung satu majlis penyerahan komputer riba kepada pelajar yang layak. Majlis disempurnakan oleh YBhg Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Melaka.

Mengambil kesempatan di ruangan ini, saya menyeru tuan puan yang budiman sekalian agar teruskan menyumbang kepada projek amal komputer riba ini. Pada mesyuarat terakhir Seksyen Waqaf dan Infaq yang berlangsung pada awal Januari 2021 yang lalu, pembentang projek ini menyatakan bahawa jumlah pemohon agak ramai dan jumlah penerima terlalu sikit. Ini adalah disebabkan harga komputer riba yang agak mahal, justeru saringan dan pemilihan perlu dilakukan dengan begitu ketat untuk mengenal pasti mereka yang betul-betul layak. Akan tetapi sebenarnya masih ramai lagi yang memerlukan. Keadaan ini telah menjentik hati saya.

Bayangkan, hanya 3 orang penerima sahaja yang mendapat sumbangan kali ini. Mari sama-sama kita tingkatkan lagi jumlah sumbangan ini. Caranya, jika para pembaca sekalian menyedari iklan berkenaan projek ini, ayuh salurkan bantuan hanya dengan beberapa klik untuk membuat transaksi. Tiada jumlah minima yang dikenakan. Iklan akan disalurkan melalui emel rasmi Unit Zakat, Waqaf dan Infaq UiTM atau dikongsi menerusi *group Telegram* atau WhatsApp.

Projek ini merupakan anjuran Sukarelawan Zakat (SUZA), CIPSF, EL-WAZIF, MASMED dan DEBEST.

Laporan penuh sila layari Facebook EL-WAZIF UiTM Cawangan Melaka.

“

*RM 13,000
jumlah
sumbangan
terkumpul
setakat ini*

PROGRAM SUMBANGAN AMAL LAPTOP UNTUK MAHASISWA B40

Oleh: Maymunah Ismail

Sekretariat

Program Sumbangan Laptop Pelajar B40

UiTM Melaka Kampus Alor Gajah

Program Sumbangan Amal Laptop untuk Mahasiswa B40 UiTM Melaka yang di anjurkan oleh Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA) UiTM Melaka Kampus Alor Gajah, Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (El-Wazif), Centre of Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), Kelab De' BEST dan Malaysia Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) UiTM Melaka.

Kita sedia maklum, situasi pembelajaran sekarang amatlah berbeza jika dibandingkan dengan dahulu. Sesi pembelajaran di era pandemik covid 19 di semua peringkat termasuklah peringkat pengajian tinggi dijalankan secara online. Keadaan ini juga merupakan sebahagian usaha Kerajaan di dalam merealisasikan era Revolusi Industri (IR 4.0) yang mana teknologi memainkan peranan yang sangat penting. Memandangkan keperluan mempunyai komputer amatlah penting bagi pelajar yang kurang berkemampuan di dalam mengharungi pembelajaran secara Online, Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA) UiTM Melaka Kampus Alor Gajah, selaku pengajian Utama program, dengan kerjasama El-Wazif, CIPSF, De' BEST dan MASMED telah mengambil inisiatif mengajurkan Program Sumbangan Amal Laptop untuk Mahasiswa B40 UiTM Melaka Kampus Alor Gajah bermula dari 12 November hingga 15 Disember 2021. Dana sumbangan amal ini diperolehi dari pelajar dan kakitangan UiTM Melaka serta Syarikat MNZWAJA Chartered Accountants melalui Tabung Sedekah UiTM Alor Gajah, serta jualan amal yang diadakan oleh SUZA sendiri.

Alhamdulillah, dana berjumlah RM13,650 telah berjaya dikumpulkan serta sebanyak 5 unit Laptop berjaya diagihkan kepada 5 pelajar B40 yang terdiri dari pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Fakulti Pengurusan Pelancongan (FPHP), Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM). Pelajar ini dipilih melalui siri saringan dan temubual yang diadakan oleh pihak EL-WAZIF yang diketuai oleh Koordinator El-Wazif, Ustaz Muaz Haji Mohd Noor dan dibantu oleh Penyelaras Seksyen Infaq EL-WAZIF bagi ketiga-tiga Kampus iaitu Dr. Khairul Azhar Meerangani (Kampus Alor Gajah), Dr. Ahmad Rosli Mohd Nor (Kampus Bandaraya Melaka) serta Ustaz Muhammad Faidz Mohd Fadzil (Kampus Jasin).

Majlis perasmian dan penyerahan sumbangan laptop kepada pelajar B40 yang terpilih telah diadakan pada 5 Januari 2022 (Rabu) dan dirasmikan oleh Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Melaka. Majlis ini juga dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Saladin Abdul Rasool, selaku Pengarah Centre of Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), UiTM Cawangan Melaka, Tn. Haji Mohd Nasri Hj Ismail, wakil pengurusan dari MNZWAJA Chartered Accountants, Puan Norazzura Mohamed dan Puan Maymunah Ismail, Penasihat Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA), UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah, Ustaz Muaz Haji Mohd Noor, Koordinator El-Wazif UiTM Cawangan Melaka, Puan Nor

“
*situasi
pembelajaran
sekarang
amatlah
berbeza jika
dibandingkan
dengan dahulu*

Tasik Misbah, Penasihat Kelab DEBEST UiTM Cawangan Melaka serta Puan Khalilah Ibrahim, Koordinator Masmed UiTM Cawangan Melaka serta barisan Ahli Jawatankuasa pelajar dan pensyarah. Program ini diharapkan dapat membantu pelajar dalam pembelajaran mereka serta berjaya menjadi menjadi insan berguna pada masa hadapan. InsyaAllah.

Justeru itu, pihak pengangur ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Melaka terutamanya Yang Berbahagia Mantan Rektor, Prof. Dr. Abdul Halim Mohd Noor, Yang Berbahagia Rektor, Prof. Madya. TS. Dr. Mohd Rasdi Zaini dan Timb. Rektor HEP, Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono yang telah memberi kelulusan dan menyokong perlaksanaan program ini. Pihak pengurusan MNZWAJA Chartered Accountants yang menyumbang sebahagian besar dari dana program.

Selain itu, barisan AJK yang terdiri, Saudari Sakinah Hayani Muhammad Shamsul Ikram, selaku Ketua Projek serta barisan AJK "Program Sumbangan Laptop kepada Pelajar B40 UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah" yang terdiri dari barisan pensyarah dan pelajar yang telah menyumbangkan tenaga dalam usaha menjayakan program ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan buat penyumbang-penyumbang yang telah memberikan sumbangan mereka sebagai tanda sokongan penuh terhadap program ini. Diharapkan usaha murni ini dapat membuka ruang untuk kita lebih prihatin dan berpeluang untuk beramal dan seterusnya mendapat keredhaan Yang Maha Esa.

LANTIKAN MUTAWALLI IPT MELAKA

Nazir Khas Dana Wakaf Pendidikan


Telah berlangsung sesi taklimat perlantikan nazir khas (mutawalli) Dana Wakaf Pendidikan IPT Negeri Melaka pada 19 Januari 2022, bertempat di bangunan MAIM, Melaka.

Ustaz Muaz Mohd Noor, koordinator Unit El-Wazif telah mewakili UiTM Melaka bagi membentangkan aktiviti dan projek wakaf di UiTM Melaka, khususnya projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI).

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) adalah Pemegang Amanah Tunggal Wakaf di negeri Melaka. Sebanyak 6 buah IPT di Melaka telah terlibat dalam pembentukam Dana Wakaf Pendidikan IPT anjuran MAIM ini.

Turut bersama dalam rombongan ini adalah En. Amran Abd Razak (Penolong Pengurus Projek WaDI), serta Jawatankuasa dan Sahabat WaDI,

Dr. Rosli Mohd Nor, Ust Wan Anwar Saferdin dan Ust Abd Azim Akbar.





KERJASAMA PPPAWE, PTAR & UNIT EL-WAZIF

Pembangunan WaDI diteruskan

19 Januari 2022: Telah berlangsung satu mesyuarat khas berkenaan satu program yang bakal berlangsung pada pertengahan Februari ini di tapak Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Melaka.

Mesyuarat yang disertai oleh Pertubuhan Pengurusan Warga Emas (PPPAWE) UTC Negeri Melaka bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Unit EL-WAZIF UiTM Melaka telah

berlangsung di Bilik Mesyuarat PTAR, UiTM Melaka.

Program anjuran PPPAWE ini dijangka bakal menampilkan kehadiran exco kerajaan negeri Melaka selain anggota-anggota PPPAWE negeri Melaka.

Pihak WaDI menyambut baik sokongan dan kerjasama oleh pelbagai pihak bagi mempromosikan jenama WaDI.



KEBUN WaDI



KEBUN WaDI TERIMA PEKERJA BARU

Alhamdulillah, masuk tahun 2022 ini Kebun WaDI telah menerima pekerja baru iaitu Encik Amari Bin Sulaiman

Amari akan memastikan kebun WaDI dalam keadaan yang optimum selaku pemegang amanah yang akan menjaga dan pengawal selia operasi-operasi di kebun berkenaan.

Kami berbesar hati menerima penglibatan pekerja baru WaDI dan sedia memberi sepenuh sokongan yang diperlukan supaya segala proses dan gerak kerja berjalan lancar.

Semoga WaDI terus mendapat kejayaan dengan sokongan dari semua pihak InsyaAllah.

PENULISAN ILMIAH/KREATIF



HARAPAN

*Pohon dunia semakin tua
daun luruh di sungai hayat
sedia menabur budi
setia menyubur bakti
tanpa mengeluh
dunia terus berjasa*

*Jiwa raga manusia
berpayung harapan
tumpang berteduh
alpa kenang budi
lupa bersyukur
acap serba kurang
bersarang di hati*

*Hari jelma berhias ceria
bersyukur meluruh nafsu
usir sengketa hidup bersatu*

Nukilan: Moor Izam Bin Samin
Perpustakaan,
UiTM, Cawangan Melaka
Kampus Jasin



MENCARI TITIK IMBANG

Penulis: Dr. Kartini Ilias
Pensyarah Kanan/Perunding Psikologi Klinikal
Jabatan Sains Asas
Fakulti Sains Kesihatan,
UiTM Cawangan Selangor
Puncak Alam

Penglibatan wanita dalam pelbagai sektor dan aspek pekerjaan adalah sesuatu yang tidak asing dewasa ini. Peluang pendidikan dan kemajuan teknologi pada hari ini telah memberi banyak peluang untuk wanita menceburir pelbagai bidang pekerjaan bagi meningkatkan potensi diri, dan juga membantu ekonomi keluarga . Kehidupan wanita pada zaman sekarang agak berbeza jika dibandingkan dengan dengan wanita pada zaman dahulu yang kebanyakannya sepenuh masa terlibat dengan pengurusan rumah tangga. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 25 November 2019 menunjukkan bahawa kadar penyertaan tenaga kerja wanita meningkat sebanyak 55.2 peratus pada tahun 2019 berbanding 54.7 peratus tahun 2018.

Menjadi satu cabaran besar bagi seorang wanita yang bekerja untuk mengimbangi tugas dan tanggungjawab mereka di pejabat dan rumah tangga. Selain daripada melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan bidang tugas mereka, seorang wanita yang bekerjaya perlu bijak dalam pengurusan masa, ilmu dan kemahiran keibubapan, pengurusan fikiran, emosi dan penyelesaian masalah. Penguasaan sesuatu kemahiran itu akan memberi keyakinan bagi seorang wanita itu untuk menjalankan tugas sebagai pekerja, isteri dan ibu dengan sebaiknya.

Pandemik Covid 19 telah merubah lensa kehidupan manusia dalam banyak aspek. Begitu juga bagi wanita yang bekerjaya untuk mengimbangi tugas sebagai ibu dan juga pekerja yang perlu bekerja dari rumah (BDR). Namun, pengurusan masa yang baik serta meningkatkan kemahiran dalam bidang ICT akan membantu wanita untuk mengimbangi tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Akhir kalam, keseimbangan dalam kehidupan individu adalah berbeza-beza dan berubah mengikut keadaan dan masa. Antara kunci utama dalam mencari titik imbang ialah menghargai dan gembira dengan setiap pencapaian kita walau sekecil apa, menerima kekurangan dan kesalahan yang mungkin kita pernah lakukan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi kerja dan menjadi lebih baik setiap masa.

Rujukan

Statistik Pemerkaaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2019 Jabatan Perangkaan Malaysia bersempena Hari Wanita 2020.

LIHATLAH TANDA-TANDA KEBESARAN ALLAH: SIMPANAN DATA

Oleh: Prof. Madya Dr Nasiroh Omar (Penulis buku “Seek the signs of Allah”).

Suatu masa dulu di tahun 1980an, ada sedikit penyesalan bermain-main di fikiranku. Kenapa aku ambil jurusan ini? Jurusan sains komputer. Ketika melihat rakan-rakan ke Moroko atau Mesir, mengambil jurusan keagamaan, aku memilih ke Amerika Syarikat, jurusan pengkomputeran. Terasa benar pilihanku berwajah sekular. Apakah aku akan lebih jauh daripada Allah?

Bidang sains komputer tampak moden. Namun, jauh di sudut hati, aku selalu memikirkan, apakah tidak ada ilmu komputer di dalam Al-Quran? Bukankah Al-Quran diturunkan untuk semua bidang, sesuai untuk sepanjang zaman?

Suatu hari ketika aku membaca tafsiran ayat 12, Surah Yasin, tiba-tiba terpantul di mulutku: “Ini ayat tentang penyimpanan data!” Subhanallah.

Data adalah unsur penting dalam sistem komputer. Tanpa tempat simpan data, hilang nilai sebuah computer.

Namun, lebih 1400 tahun dahulu, ketika perkataan komputer tidak wujud lagi, Allah SWT telah menceritakan kehebatan mekanisma simpanan dataNya yang Maha Canggih:

“Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catatkan satu persatu dalam Kitab (ibu Suratan) yang jelas nyata. (12)”, Surah Yasin.

Jika dahulu kebanyakan daripada kita tidak dapat menerima hakikat simpanan data dalam bentuk abstrak begini, kini sepatutnya tidak lagi.

Perhatikan bentuk simpanan data kita. Dahulu, kita perlukan ruang yang sangat besar untuk menyimpan fail-fail kertas. Makin lama, fail kertas diganti dengan fail digital. Semakin canggih dunia digital, semakin kecil alat simpanan data. Dari disk yang besar berevolusi menjadi storan USB yang kecil.

Malah, sekarang, tempat simpanan data ada di awan (cloud storage). Langsung kita tidak nampak. Ia terawang di awang-awangan. Maka, apakah pelik jika Allah SWT yang Maha Berkuasa telah menciptakan simpanan data yang Maha Canggih di awangan sana?

Sungguh! Tanda-tanda kebesaran Allah ada di mana-mana. Perhatilah tanda-tanda kebesaranNya. Semoga iman kita lebih bertambah.

“Dan Dia memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kebesaranNya dan kekuasaanNya (melalui Rasul-rasulNya dan pada makhluk-makhluk yang dijadikanNya); maka di antara tanda-tanda kesempurnaan Allah, yang mana satu, yang kamu ingkari? (81)” Surah Gafir.

“*Ini ayat tentang penyimpanan data!*”

Subhanallah.

PATUHI SYARIAH DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

Penulis: Sr Nor Azlinda Mohamed Sabli & Mohammad Amirull Hakim Zulkifle

Pusat Pengajian Ukur Bahan, UiTM Shah Alam

Industri pembinaan merupakan salah satu industri yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Perkembangan industri pembinaan yang kian beransur pulih setelah negara berada dalam keadaan perintah kawalan pergerakan merupakan satu tanda yang positif kepada semua pemain industri ini. Namun begitu, keadaan ini tidak dapat mengubah persepsi sebahagian pemain industri pada isu yang sering berlebar dalam industri pembinaan antaranya seperti kelewatan dalam menyiapkan projek dan pembayaran, projek yang tidak mencapai kualiti serta isu rasuah yang sering dikaitkan.

Adalah diharapkan dengan adanya penekanan pematuhan syariah dalam industri pembinaan, akan menjadikan industri ini satu industri yang bersih dari peringkat rekebentuk, perancangan, pembinaan dan seterusnya peringkat penyediaan akaun akhir. Kepatuhan syariah ini adalah berlandaskan kepada pendekatan urus niaga yang beretika, telus, adil dengan syarat dan terma yang jelas tanpa sebarang perkara yang terselindung.

Asas utama dalam kepatuhan syariah adalah merujuk kepada Maqasid Syariah. Dalam industri pembinaan, setiap pemain industri perlulah merasakan bahawa mereka adalah Khalifah yang menjalankan tugas dengan penuh amanah, jujur dan tanggung-jawab serta meletakkan tugas mereka sebagai satu ibadah yang berasaskan kepada Al Quran dan Sunnah. Mereka juga perlu meyakini bahawa segala tindakan dan keputusan yang dibuat akan dipertanggungjawabkan kelak.

Pihak berwajib perlu memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran dan menyebar luas kepentingan patuh syariah dalam industri pembinaan di kalangan pemain industri. Barisan akademik juga perlu membuka minda para pelajar akan perkara ini dan menerapkan asas yang kukuh agar boleh diapplikasikan sewaktu menjelaskan kaki ke alam pekerjaan. Kerjasama yang erat dan mantap antara kedua-dua belah pihak serta pemain industri pembinaan pasti akan memberikan impak yang positif kepada suasana industri pembinaan pada masa akan datang.

“
setiap pemain industri perlulah merasakan bahawa mereka adalah Khalifah yang menjalankan tugas dengan penuh amanah,



Foto: Ahmad Firdaus bin Abu Yazid
Unit Kebajikan Produktif
Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

PRODUK BUAH KURMA DI PASARAN DAN FARMASI KOMUNITI

Penulis: Muhammad Asyraf Fariduddin Mustafah, Ibtisam Abdul Wahab & Hannis Fadzillah Mohsin
Fakulti Farmasi, UiTM Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan.


Kepentingan kurma dapat diketahui melalui Surah-an-Nahl, dalam Al-Quran. Kini, terdapat pelbagai produk buah kurma yang dipasarkan. Hasil buah kurma ini mempunyai nilai nutrisi serta baik untuk kesihatan umum pengguna. Salah satu contoh produk kurma adalah molas, yang dikenali sebagai sirap kurma. Bahan ini kaya dengan mineral serta vitamin. Badan kita memerlukan bahan semulajadi tersebut sepanjang hari, untuk kekal sihat dan kuat. Sewajarnya, kita mensyukuri ciptaan Allah SWT, sirap kurma mengandungi zink, magnesium, potassium, kalsium dan zat besi. Tambahan pula, sirap ini mengandungi vitamin C, B6 dan vitamin A.

Selain itu, kurma boleh diperolehi dalam bentuk jus serta dijadikan perasa susu. Ia terdiri daripada fiber, yang membantu sistem perkumuhan dan proses pencernaan. Produk sedemikian juga menolong proses penyerapan makanan lain. Sesetengah orang sukar mencerna buah-buahan, tetapi kurma dan produk susunya, mudah dicerna.

Kurma juga merupakan makanan popular sepanjang bulan Ramadhan. Pengambilan buah kurma mampu membekalkan tenaga sepanjang waktu siang atau dalam tempoh berpuasa. Ia dimakan pada awal pagi atau sahur, agar kita kekal aktif.

Terdapat juga produk kurma dalam bentuk jem atau sapuan kepingan roti. Sekali pengambilan buah kurma dapat membekalkan sejumlah kalori. Tenaga harian dikekalkan dan ini menyebab untuk para atlit menggunakan produk kurma untuk menaikkan paras tenaga semasa berlatih serta bersenam.

Dalam farmasi komuniti, terdapat contoh produk makanan yang menggabungkan jus pekat kurma atau buah tamar ini (spesis pokok Phoenix) dengan ekstrak kurma merah China (buah jujuba atau pokok Zizipus). Kandungan gula asli dalam kedua-dua kurma ini, serta campuran madu, menyebabkan produk sebegini kaya dengan asid amino semulajadi. Ia mampu meningkatkan pengaliran darah serta menceriakan penampakan wajah wanita yang mengambil produk kecantikan ini. Namun, ia perlu diambil dengan kadar yang dinasihati oleh ahli pemakanan serta pegawai farmasi, agar pengguna turut berjaga-jaga dengan pengambilan gula seharian, supaya gula tambahan ini tidak menyebabkan kadar gula di dalam darah menjadi tinggi. Melalui teknik pembungkusan serta teknologi moden, penghasilan produk kurma dalam bentuk paket atau kepingan kecil (sachet), dipasarkan agar pengguna mudah membawanya di dalam poket serta memakannya pada sebarang waktu.



Kelihatan deretan pokok kurma yang dijadikan tanaman penghias jalan raya di bandar Klang, Selangor Darul Ehsan.



Contoh kurma merah yang diperolehi dari pasar besar tempatan. Spesis ini berbeza dengan buah kurma atau tamar yang diperolehi dari negara.

PENGUMUMAN

PELAWAAN PENERBITAN KARYA KREATIF & PENULISAN ILMIAH DALAM E-BULETIN EL-WAZIF



Cawangan Melaka



LANGKAH MENGIKUTI KARYA E-BULETIN EL-WAZIF DALAM PRISMA UiTM



1. Layari dan log-in masuk web **PRISMA**

<https://prisma.uitm.edu.my/>

2. Pada ruangan “Publication Type”, sila pilih menu: **“OTHER PUBLICATION”**.

3. Setalah anda mengisi tajuk karya anda, sila pilih menu: **“NEWSLETTER”** untuk pilihan jenis penerbitan.

4. Isikan segala maklumat yg dikehendaki, seperti no. eISSN dan lain - lain, kemudian tekan butang **“SUBMIT”**.

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF)

UiTM CAWANGAN MELAKA

LAYARI FACEBOOK EL-WAZIF UNTUK MAKLUMAT LANJUT

JOM MENYUMBANG

#KELUARGAMALAYSIA
BERSEKOLAH

Para penyumbang
akan diberikan:

1. Resit Pelepasan
cukai
2. E-sijil



Penyerahan
sumbangan
16 DAN 17 MAC 2022

CARA-CARA MENYUMBANG:

1. Sumbangan boleh dibuat melalui sistem finepay dengan cara mengimbas kod QR di sebelah. ➔
2. Setelah pembayaran dibuat, sila imbas kod QR di sebelah ini bagi tujuan pendaftaran serta mendapatkan e-sijil. ➔



BANTUAN KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN INI AKAN DISERAHKAN KEPADA PELAJAR KATEGORI FAKIR DAN MISKIN DI SEKOLAH-SEKOLAH BERIKUT:



وَمَا آنفَقْتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرُّزْقِينَ
Dan apa saja yang kamu infakkan, Allah akan mengantikannya
dan Dia akan memberi rezeki yang terbaik (Saba': 39)



ANJURAN:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM
Cawangan Melaka

Sebarang pertanyaan mengenai program ini, sila hubungi:

- Pengarah Projek: 013-2228432 (Ustaz Mohd Khairul Nizam)
- Penolong Pengarah Projek: 016-3059088 (Ustazah Aziera)



DENGAN KERJASAMA

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), UiTM Cawangan Melaka
PIBG Sekolah Kebangsaan Lendu &
PIBG Sekolah Kebangsaan Bendahara Seri Maharaja



**SUMBANGAN WAKAF
DUSUN ILMU
JUMLAH TERKUMPUL
SEHINGGA FEB 2022**

**KUTIPAN RM83,531.38
PERBELANJAAN
RM41,709.98
SASARAN RM150,000.00**

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BANK ISLAM
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').

Like & Follow


Media Sosial EL-WAZIF

Ikuti perkembangan terkini program dan aktiviti wakaf, zakat dan infaq (sedekah) di UiTM Melaka melalui saluran Facebook (FB) dan Instagram (IG) rasmi Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka.

Pengiklanan (Media Sosial)



Facebook EL-WAZIF UiTMCM



Instagram elwazif.edu.my

